

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
20 OGOS 2021	10 APRIL 2022	31 MEI 2022

Elemen Pendidikan Manhaj Rabbani menggunakan Analisis Kajian Literatur Bersistematik (SLR)

Element of Rabbani in Education System: Systematic Literature Review

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin¹, Mariam Abd Majid², Hamidun bin Husin³
³and Kamal Azmi Abd Rahman⁴

ABSTRAK

Konsep pendidikan manhaj rabbani merupakan ciri paling utama dalam Islam kerana ia merujuk kepada sifat pengabdian diri kepada tuhan, sebagaimana yang termaktub di dalam Al-Quran al-Karim. Kajian ini memfokuskan kepada literatur berkaitan elemen pendidikan manhaj rabbani dalam kajian terdahulu dan mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka cadangan isu baharu untuk dikaji. Prosedur yang dijalankan adalah melalui Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) iaitu merangkumi strategi pencarian, kriteria pemilihan, proses pemilihan, pengumpulan data dan analisis data bagi karya ilmiah dan artikel yang diperolehi. Sebanyak 13 buah artikel dikenal pasti melalui kriteria yang ditetapkan iaitu tahun penerbitan terkini yang diambil bermula dari tahun 2016. Dapatan kajian menunjukkan elemen pendidikan manhaj Rabbani perlu disebar luaskan ke seluruh peringkat masyarakat dari peringkat bawahan sehingga ke peringkat tertinggi, dari setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan, swasta mahupun secara persendirian. Elemen pendidikan rabbani diukur melalui pembinaan jiwa insan pendidik dari aspek akidah, abadah dan akhlak, peningkatan potensi dan kemahiran, pengaplikasian ilmu pengetahuan dan teknologi. Justeru, penyelidikan lanjutan diperlukan untuk meneliti secara empirikal bagi melihat keberkesanan elemen pendidikan manhaj Rabbani dapat dilaksanakan demi mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Kata kunci: Elemen, Pendidikan, Manhaj Rabbani, Analisis, Literatur

ABSTRACT

The rabbani approach education concept is the main characteristic in Islam, as it refers to servitude to God, as established in the Holy Quran. This study focused on past literature related to the element of the rabbani approach in education, integrating it to explore suggestions of new issues to be studied. The procedure used is through the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) which encompasses search, selection criteria, selection process, data collection, and data analysis strategies for scientific works and articles obtained. 13 articles were identified through the established criterion of being published since 2016. The findings show that the rabbani approach education element needs to be disseminated to all levels of the society from every agency of the government and non-government, private or even to individuals. The rabbani approach education element is

¹ Calon Phd Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norsaadah@kuis.edu.my

² Profesor Madya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor mariam@kuis.edu.my

³ Universiti Islam Antarabangsa Selangor hamidun@kuis.edu.my

⁴ Universiti Sains Islam Malaysia kamalazmi@usim.edu.my

measured from the development of the teachers' soul from the aspects of akidah, religious practice and behaviour, increase in potential and skills, and in the application of knowledge and technology. Hence, further empirical research is necessary to observe the effectiveness of the rabbani approach education element when implemented to return to the glory of the Islamic era.

Keywords: *Element, Education, Rabbani Approach, Analysis, Literature*

PENGENALAN

Faktor globalisasi dan perubahan zaman dilihat banyak mempengaruhi kandungan ilmu dan pendekatan pendidikan khususnya di Malaysia. Globalisasi yang mendatang telah menjadikan konsep universal Islam semakin terpinggir. Bagi menyelesaikan kemelut ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata di Simposium Hari Wanita Sedunia YADIM 8 Mac 2021 yang lalu, manhaj Rabbani diangkat sebagai dasar Islam baharu kerajaan yang akan berpaksikan tiga ciri utama iaitu *Thaqafah* (keilmuan), *Ruuhaniyyah* (kerohanian) dan Dakwah (aktivisme) (Anon, 2021). Ini kerana konsep dasar pendidikan manhaj rabbani dilihat dekat dengan masyarakat Malaysia dan mudah difahami.

Pendidikan berasal dari bahasa latin, iaitu “*ducare*” yang ertinya menuntun, mengarahkan, atau memimpin, kemudian diletakkan awalan *e* yang bererti “keluar”, jadi pendidikan (*educare*) bermaksud kegiatan menuntun ke luar. Pendidikan merupakan proses pengubahan sikap dan tata laku seseorang dalam upaya mendewasakan manusia (Ariffin, 2020). Dalam khazanah bahasa Arab, istilah pendidikan diterjemahkan dengan beberapa istilah, iaitu *tarbiah*, *ta'lim*, *tadris*, *ta'dib*, dan *tazkiyah*. Namun istilah *tarbiah* adalah istilah yang paling popular dan paling banyak digunakan. Ini kerana pendekatan *tarbiah* disertai dengan penuh kasih sayang, kelembutan hati, perhatian bijak dan menyenangkan; tidak membosankan sebagaimana yang disampaikan oleh al-Ashqalani (2010) *tarbiah* mendidik anak melalui penyampaian ilmu, menggunakan metode yang mudah diterima sehingga ia dapat mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari (Ma'zumi, Syihabudin, dan Najmudin, 2019).

Konsep *tarbiah* merupakan salah satu konsep pendidikan Islam yang penting. Ia merupakan proses mengurus dan mengatur supaya perjalanan kehidupan berjalan dengan lancar. Kata *al-rabb* juga berasal dari kata *tarbiah* yang bererti mengantarkan sesuatu kepada kesempurnaan secara bertahap, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Syu'ara;18

قَالَ أَلَمْ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدًا وَلَبِثْتَ فِينَا مِنْ عُمُرِكَ سِنِينَ

Maksudnya: “Fir'aun menjawab: “Bukankah kami telah mengasuhmu di antara (keluarga) kami, waktu kamu masih kanak-kanak dan kamu tinggal bersama kami beberapa tahun dari umurmu”.

Kata *ربّاني* (Rabbani diambil daripada kata *ربّ* (Rabb yang membawa maksud antaranya pendidik dan pelindung (Shihab, 2002). Kata Rabbani *ربّاني* (jamaknya Rabbaniyyun / ربّانيين). Menurut Abu Ubaidah dalam Ibnu Al-Jauzi (al-Jauzi, 1965) perkataan ini bukan dari bahasa Arab tetapi diambil dari bahasa Ibrani atau Suryani. Menurutnya bangsa Arab tidak mengetahui kata Rabbani, mereka hanya tahu *العالم أهل و الفقهاء* / orang faqih dan ahli ilmu.

Ibnu al-Anbari dalam Ibnu al-Jauzi (**al-Jauzi, 1965**) menyebutkan pendapatnya menurut ahli bahasa, bahawa kata Rabbani itu asalnya dari kata رَبِّ kemudian huruf Alif dan Nun (ان) dimasukkan untuk menunjukkan makna *mubalaghah*, iaitu berlebih / superlatif. Maka kata rabbani ertinya orang yang makrifah kepada Allah, berpegang teguh pada agama Allah dan sentiasa taat kepadanya. Di dalam Fath al-Baari pula (al-Asqalani) disebutkan kata رَبَّانِي dinisbahkan pula pada kata التَّربِيَّة / pendidikan. Maka Rabbani, bererti orang yang suka mendidik dan memberi makan orang lain dengan ilmu pengetahuan atau مَرْبِي. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan Ibnu'Arabi dalam Fath al-Bari (al-Asqalani) yang menyebutkan:

لا يقال للعالم رَبَّانِي حتى يكون عالماً معلماً عاملاً

Seseorang tidak dikatakan rabbani sehingga ia berilmu, kemudian dengan ilmunya itu ia mengajarkan kepada orang lain dan ia pun mengamalkan dari ilmu yang ia ketahui. Menurut Abu Hamid al-Ghazali (1981) menyatakan hamba yang paling rabbani adalah hamba yang paling dekat dengan Allah. Sementara itu Ibn Abbas menyebutkan:

كُونُوا رَبَّانِيَّيْنَ حُلَمَاءَ فَفَهَاءَ وَيُقَالُ الرَّبَّانِيُّ الَّذِي يُرَبِّي النَّاسَ بِصِغَارِ الْعِلْمِ قَبْلَ كِبَارِهِ

Rabbaniyyin iaitu orang-orang yang penyantun, bijaksana, dan faham betul tentang agama. Rabbani adalah yang mengurus dan mendidik manusia dengan berbagai ilmu sejak usia kecil lagi (Ajmain@Jimain, 2018).

Rabbaniyyah pula merujuk kepada sifat pengabdian diri kepada tuhan, manakala ciri-cirinya banyak dinyatakan dalam Al-Quran al-Karim seperti di dalam surah ali-Imran:79

مَا كَانَ لِيَشْرَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

(ali-Imran:79)

Maksudnya:

“Tidakkah patut bagi seorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmah serta pangkat Nabi, kemudian ia mengatakan kepada orang ramai hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah. Tetapi (sepatutnya ia berkata): hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Taala dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya”.

Manakala dalam surah Al-Maidah:44 Allah SWT berfirman:

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَأَحْسِنُوا وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

(Al-Maidah: 44)

Allah menjelaskan tentang Rabbani itu berkaitan dengan teguran Allah terhadap pemimpin tarbiah dan siasah, juga Ulama al-Din (ulama ahli agama) dari bangsa Yahudi, yang membiarkan orang-orang Yahudi berbuat dosa, permusuhan dan makan makanan yang haram.

Sewajarnya orang yang rabbani itu melakukan amar makruf nahi munkar, sehingga mereka itu tidak berbuat demikian (al-Maraghi, 1971).

Di dalam Al-Quran kata رَبَّانِي disebut dalam tiga ayat, dua kali dalam bentuk rafa, iaitu dalam surah al-Maidah ayat 44, dan 63 dan satu kali dalam bentuk nashab iaitu dalam surah Ali Imran ayat 79.

Berdasarkan teks ayat di atas ia membawa maksud, rabbani yang dikehendaki Allah ialah orang yang melaksanakan amar makruf nahi munkar dan yang peka terhadap persekitarannya. Jiwa rabbani ialah mereka yang suka melakukan amar makruf nahi munkar. Ia sangat diperlukan dalam setiap zaman, sekarang atau yang akan datang.

Namun hari ini, cabaran kuat semakin dirasakan di saat dunia luar lebih berinovasi dalam berbagai penemuan demi penemuan dalam pendidikan era revolusi 5.0. Generasi millennia lebih cenderung memiliki gaya belajar yang dinamik sehingga sentuhan teknologi dalam pembelajaran menjadi sangat relevan. Teknologi tidak menjadi suatu kesalahan, namun perlu mengetahui hakikat pendidikan bukan sekadar menggilap potensi yang terdapat pada insan bagi meraih pulangan, akan tetapi meletakkan karamah insan di posisi yang sewajarnya sebagai hamba Allah dan khalifah. Justeru dalam pendidikan yang lebih holistik adalah dengan menjadikan Allah SWT sebagai paksi segala tujuan sekaligus mengangkat martabat insan sebagai makhluk yang bermaruah (Norasid, 2016). Pendidik harus menyedari bahawa tugas mendidik murid bukan hanya sekadar memindahkan maklumat, pengetahuan dan ilmu daripada seorang pendidik kepada seorang murid semata-mata, tetapi bagaimana ilmu dan maklumat yang benar serta pengalaman yang berguna dapat membentuk sikap, nilai dan peribadi seseorang murid. Bagi mencapai matlamat tersebut, para pendidik harus memilih dan mengaplikasikan pendekatan yang mampu menarik murid agar dapat benar-benar menghayati dan mampu menguasai ilmu yang diajar. Disamping itu, pendidik juga perlu bijak dalam memilih dan menentukan pendekatan pengajaran yang berkesan kerana pendidik adalah orang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah pembelajaran (Tamuri, 2018).

Usaha ini perlu digembleng dari semua peringkat masyarakat sebagai penekanan terhadap membangunkan kembali elemen pendidikan manhaj rabbani kepada generasi masa kini. Pendidikan Rabbani adalah pendekatan futuristik dan berpandangan jauh bagi membentuk sebuah masyarakat yang cemerlang dalam pelbagai aspek sekaligus menjadi pencetus kepada imej dan keindahan Islam dan seterusnya melahirkan ummah terbaik (*khaira ummah*) selaku khalifah di atas muka bumi yang mampu mewarnai corak kehidupan masa hadapan dengan cahaya Islam (Habib, 2018).

Pendidikan Islam berupaya melakukan inovasi dan perubahan yang signifikan bagi memastikan generasi anak didik yang dihasilkan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sering mengalami perubahan dan seterusnya mereka tidak tergelincir dari landasan kehidupan yang direndhai Allah SWT (Habib, 2018).

METODOLOGI

Kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) digunakan bagi menghasilkan sorotan karya yang bersistematik. Ini kerana kaedah ini merupakan garis panduan sorotan literatur yang berkualiti. Ia melalui prosuder yang terperinci dengan kuantiti data yang besar. Kelebihan PRISMA adalah dapat menunjukkan elemen ketelusan, konsisten dan piawai yang tinggi bagi menghasilkan laporan kajian kualitatif melalui

proses-proses tertentu (Matthew, 2021). Proses ini adalah proses yang bersistematik, prosedur yang jelas bagaimana ia dihasilkan dan skop yang menyeluruh merangkumi semua bahan yang berkaitan serta boleh diguna kembali (*replicate*) pengkaji lain dengan pendekatan yang sama bagi membincangkan sesuatu topik (Okoli, 2015). Kelebihan menggunakan kaedah sorotan bersistematik dengan kaedah PRISMA dalam bidang sains sosial ini adalah, karya-karya yang diperoleh adalah dari sumber data yang bermutu dan diakui oleh semua penyelidik, dapat menjelaskan limitasi kajian dengan bantuan kata kunci, malah dengan garis panduan ini juga membantu penulis dari membuang masa dan tertanya-tanya jika sorotan karya mereka telah mencukupi (Okoli, 2015). PRISMA membantu penulis mengesan karya-karya literatur yang tepat mengikut objektif kajian melalui empat proses-proses berikut, iaitu proses pengenalanpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan rangkuman (*inclusion*) (Karantzas, 2019) Metodologi ini telah banyak diguna pakai oleh beberapa pengkaji antaranya Nur Izzati Jamaludin et.al 2020 (Nur Izzati Jamaludin, Shahida Shahimi & Latifa Bibi Musafar Hameed, 2020), Kong Suik Fern et.al 2020 (Kong Suik Fern, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore, 2020), Siti Noratiqah et.al 2020; Kamal & Hussin, 2020 (Siti Nor Atiqah Amran, 2020, Vol. 13, No. 2 (November); Usman dan Shahabuddin, 2019; Usman et al., 2018. Dengan itu, kajian SLR yang dijalankan merangkumi strategi pencarian, kriteria pemilihan, proses pemilihan, pengumpulan data dan analisis data bagi artikel yang diperolehi.

STRATEGI PENCARIAN ARTIKEL

Pangkalan data terkemuka iaitu SCOPUS, IEEE, Web of Science (WoS), *Reseach Gate*, *Google Scholar*, *Academia*, Dan *Mendeley* digunakan dalam pencarian artikel bagi SLR yang dijalankan. Kata kunci 'Pendidikan', 'Rabbani', '*divinity*' digunakan untuk mencari artikel yang berkaitan. Kata kunci tersebut adalah untuk mendapatkan artikel yang berkaitan Pendidikan Manhaj Rabbani.

KRITERIA PEMILIHAN ARTIKEL

Bagi mendapatkan artikel yang menepati kriteria kajian, kriteria pemilihan artikel telah ditetapkan dari segi tahun penerbitan, jenis bahan rujukan dan bidang kajian artikel jurnal seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 iaitu kriteria bagi penerimaan dan penolakan artikel. Kriteria bagi tahun penerbitan adalah dalam lingkungan lima tahun yang terkini iaitu daripada tahun 2016 hingga tahun 2021. Pemilihan artikel dihadkan dalam lima tahun kerana dalam lingkungan lima tahun merupakan tempoh topik pencarian masih hangat diperbincangkan dan merangkumi isu-isu terkini. Seterusnya, kesemua artikel yang dimasukkan dalam kajian ini adalah artikel dalam bahasa Melayu.

Manakala dalam pemilihan bahan rujukan kajian yang dijalankan menggunakan karya ilmiah dari tesis PhD, artikel jurnal dan prosiding persidangan. Perkara ini disebabkan oleh tesis PhD dan artikel jurnal merupakan bahan rujukan yang mempunyai pelaporan yang lengkap dan terperinci.

Jadual 1: Kriteria Penerimaan dan Penolakan Artikel

KRITERIA	PENERIMAAN	PENOLAKAN
Tahun Penerbitan	Mula dari 2016 sehingga 2021	Tidak menerima artikel sebelum 2016
Jenis Bahan Rujukan	tesis PhD, artikel jurnal, prosiding persidangan,	Blog, buku
Bidang Kajian Artikel Jurnal	Dalam bidang pendidikan, pendidikan Islam, Manhaj Rabbani, kajian berkaitan Sorotan Literatur Bersistematik	Selain Dalam bidang pendidikan, pendidikan Islam, Manhaj Rabbani, kajian berkaitan Sorotan Literatur Bersistematik


PROSES PEMILIHAN ARTIKEL

Proses pemilihan artikel untuk sorotan literatur adalah dikendalikan pada 10 Jun 2021. Rajah 1 menunjukkan gambar rajah aliran proses pemilihan artikel yang diadaptasi daripada gambar rajah aliran Siti Noratiqah et.al (2020) dan Kong Suik Fern et.al (2020). Kajian ini menggunakan artikel yang dikenal pasti daripada empat pangkalan data yang digunakan adalah 28 buah artikel. Selepas itu, artikel tersebut disaring menggunakan kriteria yang telah ditetapkan sebelum dimasukkan kepada peringkat kelayakan untuk penapisan yang lebih teliti dan terperinci.

Seterusnya, berdasarkan gambar rajah aliran proses pemilihan artikel yang disertakan terdapat empat kriteria tambahan bagi pengecualian artikel sebelum dimasukkan dalam kajian SLR yang dijalankan.

Pertama sekali adalah artikel yang tidak mempunyai teks penuh, kedua adalah tajuk artikel yang tidak menepati konteks kajian, ketiga ialah artikel yang sama daripada dua pangkalan data, keempat adalah artikel yang tidak memenuhi kriteria penerimaan kajian seperti makalah yang tiada nama, tahun dan penerbit dan tidak mempunyai data empirikal serta berbentuk ulasan turut dikecualikan. Manakala, bagi kriteria penerimaan tambahan pula yang pertama ialah artikel yang mempunyai teks penuh, kedua adalah tajuk artikel yang menepati konteks kajian, ketiga adalah artikel yang diteliti mengikut kesesuaian konteks kajian serta tiada duplikasi dan akhir sekali adalah artikel yang memenuhi kriteria penerimaan kajian seperti artikel yang mempunyai data empirikal mahupun yang berbentuk ulasan.

Justeru, setelah menjalani saringan dan penelitian terhadap artikel yang telah dimuat turun, terdapat 13 buah artikel yang dikenal pasti. Sejumlah 13 buah artikel tersebut merupakan artikel yang menepati kesemua kriteria pemilihan yang telah ditetapkan dan akan dimasukkan dalam kajian SLR yang dijalankan.



Rajah 1.1 : Aliran proses pemilihan artikel adaptasi daripada Siti Noratiqah et.al (2020) dan Kong Suik Fern et.al (2020).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, 13 artikel telah dikenal pasti yang menepati tema kajian seperti jadual 2.

Jadual 2: Senarai Artikel Kajian Lepas

Bil	Penulis	Tajuk	Metod	Dapatan Kajian	Isu/GAP
1.	Alihanafiah Norasid (2016) Tesis PhD	Konsep Modal Insan Rabbani Menurut Al-Quran: Analisis Pemikiran Said Hawwa Dalam Al-Asas Fi Al-Tafsir	Tembual explorasi, pengumpulan data Kualitatif	Bagi membina elemen pendidikan rabbani memerlukan 3 ciri iaitu Thaqaafah, Ruhyyah, da'wah	Konsep modal insan rabbani
2.	Ma'zumi, Syihabudin, dan Najmudin Vol. 6 No. 2 November 2019 Jurnal Tarbawy Indonesia TARBAWY: Indonesian	Pendidikan Dalam Perspektif Al-Qur'an Dan Al-Sunnah : Kajian Atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah	Analisis kandungan Kualitatif	Pendidikan al-Quran merangkumi elemen Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah	Fokus pada Istilah Kajian Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah

	Journal of Islamic Education – Vol. 6 No. 2 (2019)				
3.	Habib Mat Som 6 th International Conference On Islamic Education: Rabbani Education 2018 (ICIEd 2018)	Pendidikan Rabbani Ke Arah Melahirkan Generasi Khaira Ummah	Analisis kandungan	Pendidikan Rabbani adalah manifestasi kepada kesedaran bahawa tujuan pendidikan adalah untuk menghasilkan orang yang terpelajar lagi faqih dan sedia beramal dengan tahap kefaqihannya. Tiga inisiatif utama yang disasarkan dalam Model Kesatuan Kemenjadian Insan Pendidikan Rabbani ialah Generasi Ulul Albab Generasi Al Qawiyul Amin Generasi Quranik	Kajian berkaitan melahirkan khaira ummah dengan membina generasi al-Quran, ulul albab, al-Qawiyun Amin.
4.	Azizi Umar 6 th International Conference On Islamic Education: Rabbani Education 2018 (ICIEd 2018)	Amalan Terbaik Dalam Prinsip Kebersamaan Tanggungjawab Berdasarkan Pendidikan Rabbani	Analisis kandungan	Pendidikan Rabbani berasaskan sumber wahyu al-Quran dan al-Sunnah. 6 Amalan Terbaik iaitu Keutamaan Peranan Ibu bapa, kerjasama institusi kerajaan, swasta dan masyarakat, kepemimpinan dan kompetensi pemimpin pendidikan, pentadbiran menjiwai pendidikan, kelestarian pengurusan dana dan pengukuhan amalan persekutuan	Fokus pendidikan kepada semua peringkat institusi
5.	Noor Hisham Md Nawi	Prinsip Bertepatan Realiti Semasa	-Analisis kandungan -perbincangan bersama kumpulan pakar	Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat empat konsep	Pendidikan Rabbani dikaitkan dengan realiti kehidupan

	International Conference On Islamic Education: Rabbani Education (ICIEd 2018)	Dalam Pendidikan Rabbani	Kualitatif	utama dalam prinsip tersebut iaitu kecukupan keperluan fardhu kifayah dalam kehidupan, penggunaan teknologi terkini, pengukuhan amalan pengajaran pembelajaran semasa dan cakna kepada realiti kehidupan.	
6.	Arifin Mamat & Yaacob Yusoff (ICIEd 2018)	Pembangunan dan Pengislahan Masyarakat dalam Pendidikan Rabbani	-Analisis kandungan -Perbincangan bersama kump pakar Kualitatif	terdapat enam (6) konsep utama dalam prinsip 'pembangunan dan pengislahan masyarakat' iaitu; pembangunan holistik dan seimbang, pengislahan secara berhikmah, kewajipan melaksanakan amar makruf nahi munkar, mempelajari bahasa kaum tempatan, berkemahiran dalam penyelesaian masalah dan pengukuran berterusan secara saintifik	Pendidikan Rabbani membina masyarakat yang berkemahiran secara seimbang dan holistik.
7.	Nik Abd Rahman Nik Yaacob, Zawawi Zakaria, & Yahya Don (ICIEd 2018)	Amalan Murabbi Model Al-Ghazali dalam kalangan Guru-guru YIK	-Analisis kandungan -Soal Selidik -Kuantitatif	Model Murabbi Al-Ghazali mempunyai lapan dimensi iaitu mengajar dengan Ikhlas, kasih sayang terhadap murid, menjaga maruah murid, menasihati cara belajar, tidak memperkecilkan ilmu lain, mengajar mengikut tahap, memberi perhatian pelajar lemah, dan mengamalkan apa yang diajar	Kajian kepada model Imam al-Ghazali
8.	Nik Hamdi Ghani	Peranan Guru-guru YIK dalam	Analisis kandungan -Kuantitatif	Pendidik dilihat sebagai agen bertindak yang menjunjung tinggi dan	Peranan guru di sekolah sebagai penggerak

	(ICIED 2018)	melaksanakan Pendidikan Rabbani: Satu Cadangan Anjakan Perubahan		mewujudkan dasar pendidikan rabbani. Persediaan diri sendiri yang harus bertindak sebagai penyebar pengetahuan, pengamal ilmu budaya, sebagai role model, mempraktikkan pengajaran yang berkesan, dan peka terhadap semua pendidikan perkembangan.	pendidikan rabbani di sekolah
9.	Ajmain @ Jimaain Safar (ICIED 2018)	Insan Rabbani Suatu Sorotan	Analisis Kandungan	Insan rabbani merupakan generasi idaman dalam setiap zaman, sekarang atau pada masa yang akan datang.	Kajian mengenai istilah rabbani dari segi bahasa dan menurut kitab tafsir al.Maraghi, al-Jauzi
10.	Mazlan Ibrahim, Azizi Umar & Shukeri Mohamad (ICIED 2018)	Pentafsiran dan Terminologi Rabbani dalam Ilmu Pendidikan Menurut Kitab Tafsir Muktabar	Analisis Kandungan	merumuskan terdapat 9 prinsip pendidikan rabbani iaitu ilmu bermatlamatkan Allah, kefaqihan dan keutamaan ilmu, kemenjadian insan mulia, pengamalan dan penyebaran ilmu, pembelajaran dan pengkajian berterusan, pembangunan dan pengislahan masyarakat, kebersamaan tanggungjawab, bertepatan realiti semasa dan kelestarian ilmu.	Fokus pada kitab tafsir muktabar seperti kitab <i>al-Jami' li ahkamil-Quran</i> , Tafsir Al-Misbah, <i>Al-Asaaasu Fi al-Tafsir</i> , <i>Fi Zilal Al-Quran</i> , <i>Ruuhul Ma'ani</i> dan Tafsir <i>al-Quran ul-Azim</i> .
11.	Mohd Huzairi Husain & Ab. Halim Tamuri 2018 ICIED	Amalan Terbaik Dalam Prinsip Pembelajaran dan Pengkajian Berterusan Berdasarkan	Analisis Kandungan -Kuantitatif	Dapatan menunjukkan terdapat lima prinsip asas iaitu peningkatan potensi dan kemahiran, pengaplikasian ilmu pengetahuan dan teknologi, pembinaan jiwa insan pendidik	Fokus kajian kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia

		Pendidikan Rabbani		pembudayaan amalan berguru dan pelaksanaan penyelidikan berterusan.	
12.	Nurul Akma Mohamed & Shukeri Mohamad (ICIED 2018)	Garis Panduan Dan Usaha Dasar Wanita Negeri Kelantan Dalam Mempersiapkan Wanita Untuk Membina Masyarakat Rabbani	Analisis kandungan -Kuantitatif	Garis panduan tersebut memfokuskan 1.Persediaan Asas – Iman, Ilmu, Akhlak dan Jiwa 2. Persediaan Ilmu Sains, Teknologi dan Kemahiran	Fokus Pembangunan wanita di Kelantan
13.	Zaenal Arifin JPI Rabbani 2019	Al-qur'an sumber pendidikan modern untuk manusia abad 21	- Analisis kandungan - kualitatif	Budaya tidak akan berkembang tanpa agama Al-Quran perlu dibaca dan difahami sebagai rujukan utama Al-Quran mengubah budaya Arab	metode penelitian deskriptif, dengan memberi pertanyaan-pertanyaan yang saling berkorelasi dengan jawaban dari pertanyaan yang diajukan. Data yang di dapat berupa hasil wawancara kemudian diinterpretasi dan dianalisis sesuai dengan penulisan

Objektif utama kajian Sorotan Literatur Bersistematik ataupun *Systematic Literature Review* (SLR) yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti elemen pendekatan pendidikan manhaj rabbani agar melalui pendidikan dan penelitian, banyak penemuan-penemuan baru yang dihasilkan, di samping melahirkan manusia dengan nilai intelektual yang tinggi, yang memiliki nilai keagamaan serta akhlak yang baik, agar ilmu yang diperolehi diimplementasikan secara bijaksana tanpa disalahgunakan (Ariffin, 2020) sebagaimana firman Allah SWT

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang benar orang-orang yang benar!" Mereka menjawab:

“Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

(al-Baqarah 2:31-32)

Konsep Pendidikan Rabbani

Al-Thabarsi dalam kitabnya *Majma' Al-Bayân Fî Tafsir Al-Qur'ân* mengemukakan 5 pendapat mengenai pengertian Rabaniyyin, iaitu 1. Para ahli dalam bidang hukum agama (fuqaha'), 2. Ahli agama sekaligus ahli hikmah, 3. Ahli hikmah yang bertaqwa kepada Allah, 4. Orang yang banyak memikirkan kemaslahatan masyarakat dan 5. Orang yang mengajar masyarakat (**Habib, 2018**). Imam al-Qurthubi dalam *tafsir al-Jami' li ahkamil-Quran* pula menulis, “Ar-Rabbani adalah penisbatan kepada ar-Rabb iaitu yang mendidik dengan ilmu yang mudah sebelum mendidik dengan sesuatu yang lebih susah dan sulit seolah olah ia mengikuti Allah SWT dalam mempermudah segala perkara. (Al-Qurtubi 2/84, 1996, Beirut Dar Ihya' Turath al-'Arabi).

Sayed Qutb pula ketika mana mentafsirkan ayat tersebut menyatakan hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbani iaitu dengan menyandarkan diri kepada Rabb iaitu mengakuiNya sebagai Tuhan dengan mengakui diri sebagai hambaNya dan menghadapkan kepadaNya semata mata dalam beribadat serta mengambil daripadaNya segala manhaj kehidupan kamu sehingga kamu menjadi orang yang tulus ikhlas kepadaNya.

Manakala Zamakhsari menyatakan al-Rabbani ialah kalimah yang dinisbahkan kepada Rabb iaitu seseorang yang sangat berpegang teguh dengan agama Allah dan sangat mentaatiNya. Dikatakan kepada Ibn Abbas ketika wafatnya; Pada hari ini telah meninggal “*Rabbani Hazihi Ummah*”. Beliau juga menukilkan daripada Hasan bahawa rabbani juga bermaksud ulamak yang faqih. Di antara pendekatan pendidikan yang beliau terapkan adalah mendidik para sahabat dengan manhaj rabbani. Karakter rabbani ini memiliki pengertian bahawa sumbernya adalah Allah SWT dan RasulNya iaitu pendidikan yang bersumber dari al-Qur'an dan al-Sunnah bukan pendidikan yang bersumber buah fikiran dan hawa nafsu manusia semata-mata. (Mazlan Ibrahim, Azizi Umar, Shukeri Mohamad, 2018)

Perbincangan


Hasil perbincangan para ulama di atas, kajian merumuskan elemen pendidikan rabbani membawa natijah;

1. Memiliki ilmu pengetahuan dan agama yang mendalam, beramal dengan ilmunya, mengajarkan kepada orang lain seseorang yang belajar kerana Allah (Habib, 2018). Kebersamaan tanggungjawab pendidikan bermula apabila individu mula menyedari sifat kebertanggungjawaban dalam membangunkan diri dan masyarakat secara bersama. Kombinasi kebersamaan ini melibatkan lebih dua pihak atau dua elemen yang diambil bagi memastikan tanggungjawab pendidikan tidak terabai (Omar, 2018).
2. Seseorang yang berpegang teguh dengan agama Allah dan sangat mentaatiNya.
3. Meletakkan segala matlamat hidupnya kepada Allah yang menjadikannya orang yang tulus ikhlas.
4. Mempunyai simpulan akidah Islam yang utuh dan istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah serta meninggalkan segala laranganNya

5. Mempunyai modal insan yang holistik dari segi fitrah, aql, qalb, nafs dan ruh selain jasad yang mewakili fizikal seorang insan.
6. Berupaya mengadunkan ilmu yang dimiliki dengan realiti kehidupan manusia
7. Menjadikannya seseorang insan yang alim, bijaksana, lemah lembut faqih dan bertaqwa.
8. Penyebar risalah yang haq dalam kalangan masyarakat.
9. Kompeten dalam menggalas tanggungjawab sebagai pendidik.
10. Pembangunan holistik dan seimbang.
11. Pengislahan secara berhikmah.
12. Kewajipan melaksanakan amar makruf nahi munkar.
13. Mempelajari bahasa kaum tempatan.
14. Berkemahiran dalam penyelesaian masalah dan pengukuran berterusan secara saintifik. (Arifin Mamat & Yaacob Yusoff, 2018)..

Skop Pendidikan Rabbani itu sendiri perlu dilihat pada horizon lebih luas yang bukan sahaja tertumpu mengejar sekeping kertas yang dinamakan oleh Al Attas (1998) sebagai penyakit diploma (*diploma disease*). Pendidikan rabbani juga adalah manifestasi kepada kesedaran bahawa tujuan pendidikan adalah untuk menghasilkan orang yang terpelajar lagi faqih dan sedia beramal dengan tahap kefaqihannya. Al-Attas (1998) mengatakan orang terpelajar adalah orang baik. Baik yang dimaksudkan adalah dalam pengertian menyeluruh yang meliputi kehidupan spiritual dan material, yang berusaha menanamkan kualiti kebaikan itu sendiri. Beliau merumuskan orang yang benar-benar terpelajar adalah orang yang baik dan beradab yang dinukilkan dalam tulisan beliau; “Orang baik adalah orang yang menyedari sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak; yang memahami dan menunaikan keadilan kepada dirinya dan orang lain dalam masyarakatnya; yang terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai manusia yang beradab” Pendidikan Rabbani adalah adalah sinergi yang harmonis antara ilmu Naqli dan Aqli kerana kebergantungan manusia kepada sumber aqli sahaja akan mendorong manusia untuk terdedah kepada kejahilan dan kesilapan (Habib, 2018).


Kerangka Konseptual



Rajah 2: Model kesatuan Kemenjadian Insan Pendidikan Rabbani
(Adaptasi dari Habib; 2018)

Pembinaan generasi khaira ummah merupakan karektor yang memiliki sifat cintakan al-Quran iaitu sentiasa dekat dengan Allah dengan mengamalkan segala perintah dan menjauhi

segala larangan. Generasi Ulul Albab pula mereka yang memiliki daya intelektual yang tinggi, mampu berfikir mengikut kepelbagaian kecerdasan. Manakala *al-Qawiyul Amin* pula diistilahkan kepada individu yang kuat fizikal dan spiritualnya bersifat amanah (**Habib, 2018**).



Rajah 4: Prinsip Pendidikan Manhaj Rabbani adaptasi daripada (Mohd Huzairi Husain & Ab. Halim Tamuri, 2018)

Terdapat 3 prinsip penting pendidikan manhaj rabbani iaitu melalui pembinaan jiwa insan sebagai pendidik. Ini bermakna harus berkemampuan untuk membentuk anak didik agar memiliki keperibadian dan berakhlak mulia. Selain itu mampu mengurus jiwa dan emosi peserta didik sebagai seorang ibu atau ayah, fasilitator, ahli psikologi, pakar rujuk, inovator, penilai, agen perubahan dan mahupun sebagai pemimpin. Kedua sentiasa meningkatkan potensi dan kemahiran yang sedia ada. Kemahiran tersebut seperti kemahiran menerima maklumat dengan kritis, kemahiran berkomunikasi dengan pengurusan, rakan sekerja mahupun dengan peserta didik dan lain-lain yang mampu melonjakkan produktiviti sebagai pendidik yang cemerlang. Ketiga pengaplikasian ilmu pengetahuan dan teknologi pula mampu menghasilkan pelbagai perubahan dan inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Proses mensinergikan ilmu dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran amat perlu dilakukan antara ilmu aqli dan ilmu naqli. (Mohd Huzairi Husain, 2018)

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, proses pendidikan perlu diterapkan bermanhajkan rabbani dengan mengintegrasikan ilmu moden dan ilmu tradisional. Pendidikan manhaj rabbani menjadikan seorang anak di didik hidup sesuai dengan aturan Islam. Semua perkataan mahupun perbuatannya hanya untuk mengharap keredhaan Allah kerana manhaj Rabbani hanya bersandar kepada manhaj Allah. Manhaj Rabbani mampu menjadikan manusia memiliki akhlaq yang baik dan mulia. Dengan begitu akan terbentuk masyarakat yang dipenuhi dengan keadilan, amanah, keikhlasan, iffah (menjaga kehormatan) dan semua akhlak yang mulia. Demikian pula pendidikan dengan manhaj ini akan membersihkan masyarakat dari perbuatan keji yang menghilangkan kemaslahatan dan menceraikan masyarakat.

Rujukan

- Ajmain@Jimain, S. (2018). Insan Rabbani Suatu Sorotan. *International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018* (pp. 681-687). Kelantan: Yayasan Islam Kelantan.
- al-Asqalani, A. b. (n.d.). *Faat al-Baari bi Syarah Shahih al-Bukhari*. Beirut Daar: Beirut.
- al-Jauzi, A. b. (1965). *Tafsir Ibnu al-Jauzi*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- al-Maraghi, A. M. (1971). *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Daar al-Fikr.

- Anon. (25 Januari, 2021). *Manhaj Rabbani Diangkat Dasar Islam Kerajaan*. Retrieved from al Hijrah online: <https://alhijrahnews.com/manhaj-rabbani-diangkat-dasar-islam-kerajaan/>
- Ariffin, Z. (2020). Al-Quran Sumber Pendidikan Alaf 21. *Jurna Pendidkan Islam*, 526-543.
- Arifin Mamat & Yaacob Yusoff. (2018). Pembangunan dan Pengislahan Masyarakat dalam Pendidikan Rabbani. *6 th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018* (pp. 81-85). Kelantan: UMK.
- Habib, M. S. (2018). Pendidikan Rabbani Ke Arah Melahirkan Generasi Khaira Ummah. *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, (pp. 31-41). Kelantan.
- Karantzas, O. G. (2019). Attachment security priming: a systematic review. *Current Opinion In Psychology*, 86-95.
- Kong Suik Fern, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Pendekatan STEM dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Sorotan Literatur Bersistematik (SLR). *JURNAL PENDIDIKAN SAINS & MATEMATIK MALAYSIA*, 29-44.
- Ma'zumi, Syihabudin, dan Najmudin. (2019). Pendidikan Dalam Perspektif Al-Qur'an Dan Al-Sunnah : Kajian Atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib dan Tazkiyah. *Indonesian Journal of Islamic Education – Vol. 6 No. 2* , 194-216.
- Matthew. (21 Mac, 2021). *The PRISMA 2020 statement: an updated guideline for reporting systematic reviews*. Retrieved from <https://www.bmj.com/content/372/bmj.n71:https://guides.lib.unc.edu/systematic-reviews/PRISMA>
- Mazlan Ibrahim, Azizi Umar, Shukeri Mohamad. (2018). Pentafsiran dan Terminologi Rabbani dalam Ilmu Pendidikan Menurut Kitab Tafsir . *International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018* (pp. 1-9). Kelantan: Yayasan Islam Kelantan.
- Mohd Huzairi Husain, H. T. (2018). Amalan Terbaik Dalam Prinsip Pembelajaran dan Pengkajian Berterusan Berdasarkan Pendidikan Rabbani. *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, (pp. 51-57). Kelantan.
- Norasid, M. A. (2016). *Konsep Modal Insan Rabbani menurut al-Quran: Analisis Pemikiran Said Hawwa dalam Tafsir al-Asas fi al-Tafsir*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nur Izzati Jamaludin, Shahida Shahimi & Latifa Bibi Musafar Hameed. (2020). Elemen Kepercayaan Sebagai Teras Sumbangan Melalui Pendanaan Awam Bertujuan Kebajikan. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 55–65.
- Okoli, C. (November, 2015). A Guide to Conducting a Standalone Systematic Literature Review. *Communications of the Association for Information Systems. Communications of the Association for Information Systems*, pp. 37: 879-910.
- Omar, A. (2018). Amalan Terbaik Dalam Prinsip Kebersamaan Tanggungjawab Berdasarkan Pendidikan . *6 th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, (p. 42). Kelantan.
- Shihab, M. (2002). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.

- Siti Nor Atiqah Amran, S. A. (2020, Vol. 13, No. 2 (November). Sorotan Literatur Sistematis: Indikator Usahawan Berjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 136-150.
- Huzairi, Mohamad Halim Tamuri. (2018). Amalan Terbaik Dalam Prinsip Pembelajaran dan Pengkajian Berterusan Berdasarkan Pendidikan Rabbani. *6 th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education* (pp. 50-63). Kelantan: Yayasan Islam Kelantan.